



17 Februari 2025
17 February 2025
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (INSURANS LIABILITI PENGARAH DAN PEGAWAI LABUAN) (PENGECUALIAN) 2025

FINANCIAL SERVICES (LABUAN DIRECTORS AND OFFICERS LIABILITY INSURANCE) (EXEMPTION) ORDER 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (INSURANS LIABILITI PENGARAH
DAN PEGAWAI LABUAN) (PENGEQUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai Labuan) (Pengecualian) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 29 November 2027.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “penanggung insurans Labuan” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans am Labuan yang berhubungan dengan liabiliti pengarah dan pegawai di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*].

Pengecualian

3. Menteri mengecualikan—

(a) penanggung insurans Labuan daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta yang menghendaki penanggung insurans Labuan itu untuk mendapatkan suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans am; atau

(b) mana-mana orang yang membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu kontrak insurans am yang berkenaan dengan liabiliti pengarah dan pegawai dengan seorang penanggung insurans Labuan daripada pemakaian subseksyen 127(1) Akta yang menghendaki orang itu untuk mendapatkan kelulusan bertulis terdahulu Bank bagi tujuan tersebut.

Dibuat 4 Februari 2025
[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.8]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (LABUAN DIRECTORS AND OFFICERS LIABILITY INSURANCE)
(EXEMPTION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [Act 758], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Labuan Directors and Officers Liability Insurance) (Exemption) Order 2025**.

(2) This Order comes into operation on 29 November 2027.

Interpretation

2. In this Order, “Labuan insurer” means any person licensed to carry on Labuan general insurance business relating to directors and officers liability under the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704].

Exemption

3. The Minister exempts—

- (a) a Labuan insurer from the application of paragraph 8(1)(a) of the Act which requires such Labuan insurer to obtain a licence to carry on general insurance business; or
- (b) any person who enters into or causes to be entered into a contract of general insurance in respect of directors and officers liability with a Labuan insurer from the application of subsection 127(1) of the Act which requires such person to obtain prior written approval of the Bank for such purpose.

Made 4 February 2025
[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.8]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II